

Newspaper
Date

Utusan Malaysia
21 February 2016

DEKAD POLITIK PALING MENCABAR?

Pengalaman lebih 40 tahun dalam politik menjadi "pedoman" penting kepada kompas politik Najib Razak

MEMPUNYAI pengalaman lebih 40 tahun dalam politik adalah satu "keistimewaan" yang bermakna sekiranya mampu diuruskan dengan baik dan berkesan.

Perkara ini juga pernah disentuh sendiri oleh Perdana Menteri di dalam Seminar Khas Memperingati Tun Razak yang dijayakan oleh Yayasan Cemerlang dan Asian Strategy & Leadership Institute (ASLI) baru-baru ini.

Modal besar kepada Najib, sekiranya dijenama secara positif dan baik, adalah pengalaman panjang dalam pentadbiran yang ada di dalam dirinya. Bukan calang-calang pemimpin, yang mampu mengekalkan "kehadiran" dalam politik; selama dan relevan itu.

Menjadi seorang Menteri Besar dalam usia yang sangat muda, malah ditantang dengan cukup "santun" dalam pertubuhan politik - Najib sebenarnya meniti jalan politik yang agak cermat dan hati-hati.

Bukan niat penulis mahu mengatakan ia perjalanan yang mudah, tetapi perjalanan dan pengalaman panjang akhirnya mampu membawa Najib di kemuncak tertinggi parti dan kerajaan.

Malah, beliau sendiri mengakui bahawa peningkatan politiknya dalam UMNO adalah berdasarkan konsep kesetiaan dan hormat kepada pemimpin yang tidak berbelah bahagi.

Dalam banyak keadaan, Najib membuat keputusan yang tepat dan sentiasa mendapat "markah" tinggi baik dalam parti mahupun kerajaan, khususnya dalam tempoh tiga dasawarsa awal keterlibatan politik beliau.

Pada awal-awal pentadbiran Najib sebagai Perdana Menteri, tidak dapat dinafikan ada "nafas baru" kepada kaedah dan budaya kita menilai politik.

Dengan pelbagai macam inisiatif, baik dari sudut transformasi ekonomi, politik dan pentadbiran sememangnya membawa kesan yang agak baik.

Tanda aras politik diurus dengan lebih baik dan berkesan. Lengkap dengan kunci petunjuk prestasi (*key performance indicators*) yang jelas dan mampu dihadam oleh



NAJIB Tun Razak sempat meluangkan masa berselfie bersama ahli-ahli bella yang hadir pada Mesyuarat Perhimpunan Agung Tahunan Majlis Bella Negara yang ke-63 di Kuala Lumpur. - Gambar hiasan

rakyat dengan mudah. Sayangnya, trend positif dan penerimaan rakyat tidak diterjemah secara positif dalam pilihan raya umum 2013.

Mungkin tempoh masa di antara 2009-2013 itu terlalu lama untuk mengekalkan "kesan baik" pengenalalan pelbagai nawatu transformasi. Walaupun UMNO/Barisan Nasional (BN) masih mengekalkan kuasa, tetapi "luka politik" sememangnya cukup dalam.

Idea perubahan dan transformasi tidak mampu dijayakan dengan sepenuhnya. Banyak perkara baik tidak dipukej secara harmoni dan berkesan.

Komunikasi politik menjadi sangat cacamarba dan sukar digabung suai dengan gerakan politik massa yang menjanjikan pulangan politik. Seakan-akan ada jurang antara akujanji kerajaan dengan harapan sebenar rakyat.

Cabaran Politik dan Ekonomi

Berasaskan keputusan yang diperoleh dalam pilihan raya

Inilah detik dan dekad politik paling monumental kepada Najib. Sekiranya beliau mampu mengembalikan kekuatan, atau setidaknya tidaknya meletakkan UMNO dan BN pada kedudukan yang lebih selesa, ia adalah suatu pencapaian yang luar biasa.

umum ke-13, banyak perkara yang perlu dilihat dan diteliti semula. Sepanjang 13 kali pilihan raya, hanya dua kali UMNO/BN gagal mencapai peratusan undi popular melebihi 50 peratus. Sebelum 2013, ia berlaku pada tahun 1969 (Pilihan

yang masih belum dikeluarkan. Mutakhir ini, situasi senkan-akan tidak menjanjikan sesuatu yang mudah untuk UMNO dan BN.

Belum ternampak ada tanda perubahan kepada pola sokongan. Jika dinilai kepada sentimen yang wujud di media baru, PRU-14 bukanlah satu cabaran yang mudah untuk parti pemerintah.

Modul politik ala pemilihan Presiden Amerika yang dikatakan menjadi tunjang "pemasaran politik" PRU-13 mungkin sudah kurang sesuai.

Keperluan untuk menampilkan BN sebagai sebuah gerakan massa, pilihan itu yang lebih menjanjikan dan membawa makna.

Sifir dan modul sama jugalah yang menjadikan Parti Konservatif mencatatkan kemenangan besar sewaktu pilihan raya umum di United Kingdom. Penekanan yang diberikan adalah soal kebijakan dasar dan polisi; dan bukannya menjual "sua" pemimpin semata-mata. Parti harus mengambil strategi yang tepat dan tidak melandaskan pandangan kepada "sentimen peribadi".

Kaedah serangan gerila media baru, khususnya perbelanjaan luar biasa besar kepada "pemasaran digital" (*digital advertising*) yang tidak tersasar bakal mengundang kerugian yang besar.

Dekad Paling Menguji

Sama ada mahu mengukutnya ataupun tidak, dekad paling mutakhir ini adalah paling menguji kepada kepimpinan Najib.

Bermula 2009, sehinggalah kemungkinan tarikh PRU-14 ditetapkan - adalah dekad yang penuh mihnah dan tribulasi kepada kepimpinan Najib.

Segala kekuatan pengalaman politik mesti diguna pakai ke tahap yang paling maksimum. Inilah detik dan dekad politik paling monumental kepada Najib.

Sekiranya beliau mampu mengembalikan kekuatan, atau setidaknya tidaknya meletakkan UMNO dan BN pada kedudukan yang lebih selesa, ia adalah suatu pencapaian yang luar biasa.

Artikel ini tidak sama sekali mengartikan ia suatu ikhtiar politik yang mustahil dan sia-

sta. Berdasarkan kepada apa yang berlaku kepada pakatan pembangkang mutakhir ini, segala kemungkinan boleh terjadi.

Strategi yang lebih afdal dan baik adalah memperkasa kekuatan sendiri - dan tidak hanya bergantung kepada situasi serba tidak kena pilihan musuh.

Elemen kekuatan yang ada mesti dikenal pasti dengan sebaik-baiknya. Keputusan yang tepat, termasuk yang "kena dan rasi" dengan kehendak rakyat akan menjadi sumber kekuatan.

Apa yang pastinya menarik, kita akan menyaksikan bagaimana Najib mengumpul segala strategi dalam memastikan UMNO dan BN diberikan mandat pasca PRU-14 nanti.

Pengalaman lebih 40 tahun dalam politik pastinya menjadi "pedoman" penting kepada kompas politik untuk dua tahun paling penting akan datang ini.

■ PENULIS adalah penganalisis sosio politik.

UTUSAN MALAYSIA ESOK!

"TUN Razak dan Tambalannya Tun Dr. Ismail melalui luku-luku yang amat sukar mengurus dan memulihkan negara yang baru merdeka yang kelihatannya tersangat rapuh serba-serbynya, dan dalam masa yang sama harus terus membentangkan harapan bahawa Malaysia mampu bertahan dan orang Melayu pula masih mempunyai masa depannya di negara ini dan berupaya hidup harmoni bersama kaum-kaum yang lain. Tertahu sakur untuk kita membayangkan tekanan yang sebegitu berat yang dihadapi oleh Tun Razak mengemudi negara setelah mengambil alih kuasa secara rasmi pada tahun 1970".



■ Ikuti penulisan Prof. Datuk Seri Dr. Mustafa Isah bertang Tun Razak esok.